

# PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KOPERASI (Perception of Community towards Cooperative)

Azmaliza Arifin<sup>a</sup>, Amalina Ibrahim<sup>a</sup>, Nur Anizah Aziz<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Pusat Penyelidikan, Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya, Selangor

\*Corresponding author: azmaliza@ikma.edu.my

Received 7 May 2020; Revised 4 March 2021; Accepted 30 March 2021

## ABSTRAK

*Kajian ini dilaksanakan oleh Maktab Koperasi Malaysia (MKM) untuk menilai persepsi masyarakat terhadap peranan koperasi dan manfaatnya, di samping mengenal pasti program latihan dan pendidikan yang sesuai untuk pembangunan modal insan. Masyarakat merujuk kepada anggota koperasi, golongan belia dan penduduk setempat. Kajian ini merupakan satu tinjauan awal melibatkan peserta Program Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK) anjuran MKM daerah Kemaman dan daerah Dungun, Terengganu. Objektif khusus kajian ialah untuk meneliti profil para peserta dan mengenal pasti persepsi mereka terhadap koperasi. Data kajian diperoleh melalui soal selidik melibatkan 440 orang peserta program berkenaan. Responden anggota koperasi (299 responden; 68%) lebih ramai berbanding anggota koperasi (141 responden; 32%). Empat elemen digunakan untuk menilai persepsi responden terhadap koperasi, iaitu, pengetahuan, sikap, tingkah laku dan ekonomi. Kajian menunjukkan secara purata, anggota koperasi beranggapan mereka mempunyai pengetahuan tentang koperasi, mempunyai sikap yang positif terhadap koperasi, mempunyai tingkah laku yang mendorong ke arah pembangunan koperasi dan mempunyai pandangan yang positif bahawa koperasi dapat membantu dalam hal kewangan untuk menangani kos sara hidup, meningkatkan taraf ekonomi dan membantu masyarakat berpendapatan rendah. Sebaliknya, responden bukan anggota mempunyai tahap kesedaran terhadap koperasi yang lebih rendah, kurang mempamerkan sikap positif terhadap koperasi serta kurang menyertai aktiviti yang dijalankan koperasi. Namun, mereka berpandangan positif bahawa koperasi membantu masyarakat daripada segi ekonomi. Oleh itu, kesedaran tentang manfaat berkoperasi ini perlu diperluaskan untuk menarik minat masyarakat menyertai atau menubuhkan koperasi.*

**Kata Kunci:** *Persepsi masyarakat, manfaat koperasi, program latihan, tinjauan awal, pengetahuan, sikap, tingkah laku, manfaat ekonomi*

## ABSTRACT

*This study was conducted by the Cooperative College of Malaysia (CCM) to gauge the public perception on the roles and benefits of cooperatives, as well as to identify appropriate training and educational programmes for human capital development. The public referred here comprises of co-operative members, youth and the local community. This was a preliminary survey involving participants of CCM's programme called Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK), held in Kemaman and Dungun, Terengganu. The specific objective of the study was to examine the profile of the respondents and gauge their perception towards cooperatives. Data were obtained through a questionnaire survey on 440 respondents of the above programme. There were more cooperative member respondents (299 respondents; 68%) than non-cooperative members (141 respondents; 32%) surveyed. Four elements were used to gauge the perception of respondents towards cooperatives, namely, knowledge, attitude, behaviour and economy. The findings revealed that co-operative members felt that they were knowledgeable on co-operatives, possessed a positive attitude towards it, exhibited behaviour contributing towards co-operative development, and held a positive view that co-operatives could help overcome financial problems to manage cost of living, improve economic status and assist low-income communities. On the other hand, non-cooperative members were less aware of cooperatives, lacked positive attitude towards it, and did not get involved in co-operative activities. However, they were positive that co-operatives helped the community economically. Thus, their awareness towards the benefits of co-operative should be widely promoted to attract more from the community to participate or establish co-operatives.*

**Keywords:** *Public perception, benefits of co-operative, training programmes, preliminary survey, knowledge, attitude, behaviour, economic benefits*

## PENGENALAN

Koperasi merupakan sebuah pertubuhan yang dimiliki bersama dan ditadbirkan secara demokratik oleh anggotanya. Usaha ini dapat dilakukan melalui sumbangan modal dan penglibatan dalam aspek pentadbiran dan pengurusan dalam kalangan anggota koperasi. Dalam sistem ekonomi yang bebas yang diamalkan oleh kebanyakan negara termasuk Malaysia, sektor swasta jelas telah mendominasi aktiviti ekonomi dan perniagaan. Sektor awam atau kerajaan menjadi sektor kedua yang berperanan sebagai pelengkap kepada sistem tersebut. Manakala, sektor koperasi sebagai sektor ketiga dalam perekonomian negara boleh memainkan peranannya sebagai faktor pengimbang terhadap dominasi dan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua sektor swasta dan awam tersebut (Idris & Safaai, 2012).

Pembangunan koperasi merupakan salah satu platform bagi meningkatkan ekonomi dan sosial komuniti atau masyarakat. Koperasi sebagai organisasi bantu diri mampu mengoptimumkan pemanfaatan potensi ekonomi anggotanya. Gerakan koperasi berupaya mengukuhkan komuniti dengan menyatukan individu menerusi kesepakatan dan menjadi wadah untuk membantu rakyat memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup melalui aktiviti berkumpulan. Berkoperasi membolehkan penyertaan dalam aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan dan kekayaan. Kesedaran tentang manfaat berkoperasi ini perlu diperluaskan untuk menarik minat rakyat menyertai atau menubuhkan koperasi. Kerajaan juga berhasrat agar masyarakat menerima koperasi sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan mereka dengan usaha yang berterusan bagi meningkatkan dan merakyatkan koperasi terus menjadi agenda utama (Dasar Koperasi

Negara 2011-2020). Segenap lapisan masyarakat dan komuniti digalakkan untuk menubuhkan koperasi. Selain itu, koperasi juga turut mengambil kira kualiti modal insan sama ada dalam kalangan anggota, anggota lembaga koperasi (ALK) mahupun kakitangan koperasi.

Menyedari kepentingan tersebut, koperasi turut memberi penekanan terhadap penyebaran maklumat berkaitan koperasi yang perlu disampaikan kepada komuniti dan masyarakat umum. Penyebaran maklumat ini termaktub dalam prinsip koperasi yang ke-5 iaitu pendidikan, latihan dan maklumat koperasi yang menyediakan pendidikan dan latihan kepada anggotanya, ALK yang dipilih, pengurus dan pekerja agar mereka boleh menyumbang secara berkesan kepada kemajuan koperasi. Menyedari kepentingan tersebut pada tahun 2017, Maktab Koperasi Malaysia (MKM), kini dikenali sebagai Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah memulakan usaha untuk merakamkan program-programnya ke peringkat daerah dan program tersebut dikenali sebagai Program Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK).

## **PENYATAAN MASALAH**

Gerakan koperasi di Malaysia sudah menjangkau usia hampir 100 tahun, namun masih ramai yang tidak mengambil peluang untuk menyertai koperasi, walaupun pada dasarnya, objektif penubuhan adalah bagi meningkatkan sosioekonomi masyarakat menerusi aktiviti berkoperasi. Malah, masih ramai anggota masyarakat yang menganggap gerakan koperasi sebagai gerakan “kekampungan” sehinggalah ada yang berpendapat ia sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan arus kemodenan. Justeru, tidak hairanlah terdapat dalam kalangan masyarakat yang tidak peduli tentang gerakan koperasi malah ada yang menolak atau langsung tidak berminat untuk menganggotainya walaupun terdapat banyak peluang disediakan (Nordin Salleh, 2018, Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

Persekitaran ekonomi gerakan koperasi di Malaysia pada tahun 2018 menunjukkan perkembangan yang positif dan berdaya tahan. Jumlah koperasi berdaftar meningkat kepada 14,247 berbanding 13,899 tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 2.5%. Di samping itu, keanggotaan koperasi ialah seramai 6,060,732 orang anggota dengan pengumpulan modal syer/yuran sebanyak RM14.90 bilion, penjana aset berjumlah RM142.85 bilion serta perolehan yang mencecah RM40.31 bilion telah berjaya meletakkan gerakan koperasi sebagai sebuah entiti sosial yang memberi impak positif kepada masyarakat. Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar bagi sektor koperasi dengan ketidaktentuan ekonomi global dan dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran. Walau bagaimanapun, sektor koperasi masih mampu menghadapi cabaran ini dengan sokongan dan kesetiaan anggotanya. (SKM, 2018).

Walaupun Malaysia menunjukkan kemajuan daripada segi pembangunan sektor ini, namun sumbangan koperasi dalam negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih di tahap yang tidak memuaskan. Sehingga 2015, sektor koperasi menyumbang 3.7% kepada KDNK iaitu masih di bawah paras 5% yang disasarkan untuk tahun 2013 dalam Dasar Koperasi Negara (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2011). Bagi negara maju dan membangun yang lain, koperasi dilihat sebagai sebuah institusi yang aktif, tetapi ia berbeza di Malaysia di mana penerapan prinsip koperasi masih lagi rendah dan terbatas. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah persepsi masyarakat yang tidak menjadikan koperasi sebagai model perniagaan yang terbaik untuk pendapatan dan pertumbuhan ekonomi.

Hakikatnya, masih lagi kurang pelaksanaan mengenai kajian berkaitan persepsi masyarakat terhadap koperasi di Malaysia. Walaupun matlamat untuk menjadikan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan Negara, namun pandangan masyarakat terhadap koperasi masih rendah. Pemahaman yang kurang tepat terhadap koperasi akan menyebabkan masyarakat menganggap koperasi sebagai sebuah pertubuhan yang tidak memberikan manfaat kepada mereka. Persepsi tersebut juga boleh menyebabkan koperasi ditadbir dan diurus secara tidak sempurna sama ada daripada segi prinsip dan nilai koperasi yang menyimpang dari landasan perundangan koperasi. Salah faham ini juga boleh mengakibatkan anggota koperasi mengharapkan sesuatu yang tidak pasti dari koperasi.

Justeru, kerajaan telah merancang pelbagai inisiatif untuk memperkenalkan koperasi dalam kalangan rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membantu MKM dan agensi yang terlibat dalam menyediakan kemudahan program pendidikan dan pembangunan modal insan dalam kalangan anggota koperasi dan masyarakat serta meningkatkan jati diri anggota koperasi yang mana ia merupakan satu strategi yang dapat membantu koperasi dan pemimpin koperasi menjayakan aktiviti sosioekonomi dalam masyarakat.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenal pasti profil peserta Program LMIK di daerah Kemaman dan Dungun, Terengganu; dan
2. Mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap koperasi.

## **SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini melibatkan anggota koperasi dan masyarakat setempat yang bukan dalam kalangan anggota koperasi yang menghadiri Program LMIK di Terengganu pada tahun 2017 di daerah Kemaman dan Dungun.

## **SOROTAN KAJIAN**

Perkataan koperasi diambil daripada perkataan Inggeris “cooperation” yang berasal daripada perkataan Latin “operare” bermakna ‘bekerja’ dan perkataan awal “co” bermakna ‘bersama-sama’. Justeru, koperasi bermakna suatu tindakan ‘bersama-sama’. Tindakan bersama berlaku apabila sesuatu kerja dilakukan dalam bentuk berkumpulan dan bukannya secara bersendirian. Koperasi merupakan sebuah organisasi yang dianggotai, dimodali dan ditadbir oleh sekumpulan manusia yang bersatu berasaskan semangat kerjasama untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial mereka melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan berdasarkan konsep dan prinsip yang tersendiri.

Definisi koperasi yang diterima umum dan diiktiraf di peringkat antarabangsa telah diputuskan di Manchester, United Kingdom pada tahun 1995 seperti berikut “sebuah koperasi ialah pertubuhan manusia yang berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama dan aspirasi bersama di bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui sebuah badan yang dimiliki bersama dan yang terkawal secara demokrasi”. Maka, koperasi telah berperanan sebagai perintis dan pencetus idea dalam memajukan sosioekonomi anggotanya sekali gus menjadi

peneraju contoh dalam bidang pengurusan yang berpegang kepada moto ‘satu untuk semua dan semua untuk satu’.

Menerusi Dasar Koperasi Negara (DKN, 2011-2020) di bawah Teras Strategik 4 iaitu “Meningkatkan Keyakinan Masyarakat Terhadap Gerakan Koperasi”, didapati bahawa gerakan koperasi adalah untuk membantu rakyat memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup melalui aktiviti berkumpulan dengan menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan. Justeru, kesedaran tentang manfaat dalam berkoperasi ini perlu disebarluaskan untuk menarik minat masyarakat menyertai atau menubuhkan koperasi. Bagi meningkatkan keyakinan rakyat dalam berkoperasi, kefahaman mengenainya perlu dipertingkatkan untuk gerakan koperasi di negara ini.

### **Persepsi Masyarakat**

Menurut Wardhani, Zulela, Rachmadtullah dan Siregar (2018), persepsi sebagai proses di mana individu mentafsirkan pola stimulus dalam lingkungan. Dengan erti kata lain, persepsi menjelaskan pemberian maksud terhadap sesuatu pandangan oleh individu. Dalam hal ini, individu tersebut merujuk kepada sesiapa yang memilih dan mentafsir maklumat yang diterima untuk menghasilkan suatu gambaran berguna berkenaan produk atau perkhidmatan tersebut. Diana dan Anita (2018) menyatakan bahawa persepsi melambangkan pengalaman tentang sesuatu, peristiwa atau hubungan-hubungan yang diperoleh dengan mentafsirkan melalui fahaman individu tersebut. Individu dalam definisi yang diberikan merujuk kepada pengguna atau pelanggan kepada sesetengah produk atau perkhidmatan atau sesiapa yang memilih, menganjur dan mentafsir maklumat yang diterima untuk menghasilkan suatu gambaran yang berguna tentang produk atau perkhidmatan tersebut. Justeru, kajian ini melihat persepsi masyarakat yang merupakan anggota dan bukan anggota yang memberi penilaian dan gambaran terhadap koperasi.

Kajian oleh Ahmad et al. (2011) mengkaji persepsi masyarakat terhadap isu alam sekitar dengan melihat tiga elemen penting iaitu pengetahuan, sikap dan amalan. Menurut pengkaji, pengetahuan merupakan kapasiti untuk memperoleh maklumat, kefahaman, pengalaman dan kearifan. Manakala sikap memperlihatkan keadaan individu bertindak terhadap mesej atau pengetahuan yang diperoleh, serta amalan sebagai tingkah laku individu berdasarkan kepada pengetahuan.

Selain itu, menurut Faizah Yunus (2003), pengetahuan membawa maksud pemahaman kritis terhadap teori, konsep, prinsip-prinsip dan isu-isu yang berkaitan dengan pekerjaan peserta latihan serta aplikasi pengetahuan itu kepada situasi spesifik dalam pelaksanaan tugas atau interaksi sosial. Pengetahuan tidak akan membawa faedah atau bernilai sekiranya ia wujud di minda seseorang dalam bentuk statik. Ia memerlukan pemberian makna dan mesti dalam bentuk aktif supaya ia menjadi asas interaksi dengan orang lain, membantu membina reaksi-reaksi kepada beberapa situasi sebenar dan diaplikasikan dalam merancang tindakan.

Menurut Bhuyan (2007), sikap anggota memainkan peranan penting dalam tingkah laku mereka terhadap koperasi serta prestasi koperasi. Hasil kajian mendapati bahawa kepercayaan dan pengetahuan anggota koperasi mempengaruhi pembentukan sikap dan tingkah laku dalam koperasi. Bhuyan turut menjelaskan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku anggota dalam koperasi. Antara faktor tersebut ialah pandangan negatif, operasi, ciri kewangan, ciri demografi, ciri koperasi, kepercayaan dan persepsi. Di samping itu, kajian oleh Österberg dan Nilsson (2009) mendapati bahawa kejayaan koperasi adalah bergantung kepada sikap dan persepsi anggota. Sikap dan persepsi anggota dilihat dalam penglibatan terhadap tadbir urus

koperasi. Penglibatan anggota dilihat dalam tiga aspek iaitu kepuasan dan keuntungan, umur anggota dan pengalaman sebagai anggota lembaga koperasi (ALK).

Koperasi kini dikenali sebagai institusi sosial berteraskan ekonomi yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi. Peranan koperasi kini bukan lagi hanya sebagai entiti jenis “Jimat Cermat dan Pinjam Meminjam” yang khusus untuk mengatasi masalah hutang atau kehabisan wang gaji bulanan dalam kalangan masyarakat. Ia juga merupakan suatu entiti perniagaan yang kompetitif selain berwibawa menjadi organisasi bantu diri yang efektif bagi meningkatkan taraf sosioekonomi anggota (Idris & Mohd Safaai, 2012).

Jamilah, Maimunah, Hazalinda dan Shuzaida (2010) menyatakan bahawa penglibatan anggota dalam aktiviti ekonomi koperasi dipengaruhi oleh fungsi utama koperasi, pendapatan anggota, faktor kepuasan dan faktor kepercayaan kepada ALK dan faktor penggalakan. Perubahan dalam mana-mana faktor tersebut akan memberi kesan kepada tahap penglibatan anggota dalam aktiviti ekonomi koperasi yang dianggotai. Menurut Rahimah, Farah, Faiz, Shuhada dan Haniff (2019), pengetahuan dalam bidang pengurusan kewangan dan pelaburan dalam kalangan pengurusan juga penting bagi memastikan setiap koperasi ditadbir urus dengan sempurna dan mereka memerlukan bimbingan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Menurut Mohd Hamzah (2017), pemahaman yang kurang tepat terhadap koperasi dan masih berlegar dalam pemikiran dan pemahaman masyarakat perlu disingkirkan agar matlamat koperasi dapat dicapai dan mengelakkan persepsi dan pemahaman yang kurang tepat terhadap koperasi daripada terus wujud. Maka, anggota koperasi bertanggungjawab menyebarkan perkara sebenar apabila mereka melibatkan diri dalam koperasi dengan menerangkan nilai, prinsip, kebaikan dan falsafah sebenar berkoperasi. Pendidikan dan latihan koperasi boleh ditekankan dengan lebih terutama di peringkat sekolah dan sebelum menubuhkan koperasi. Sebagai organisasi yang mengamalkan sistem demokrasi, koperasi amat bergantung kepada penglibatan anggota bagi merealisasikan keunikan organisasi ini. Hakelius dan Hansson (2015) menegaskan bahawa bahagian yang paling penting dalam koperasi dan dikaitkan dengan kejayaannya ialah penglibatan aktif anggotanya dan kesetiaan mereka terhadap koperasi.

## METODOLOGI

Bagi melaksanakan kajian tinjauan ini, penyelidik mendapatkan maklum balas daripada peserta LMIK di Terengganu (Daerah Dungun dan Kemaman) menerusi borang soal selidik. Kaedah pensampelan mudah digunakan dalam kajian ini. Data di analisa menggunakan *IBM Statistical Package for Social Science* (SPSS) melalui analisis statistik deskriptif. Analisa deskriptif digunakan untuk menginterpretasikan skor purata bagi mengenal pasti pengetahuan, sikap, tingkah laku, ekonomi dan persepsi masyarakat terhadap koperasi.

Pembangunan item-item bagi soal selidik ini merupakan hasil daripada kajian penyelidik terdahulu yang mewakili aspek sesuatu pemboleh ubah atau konstruk yang diukur. Bagi mengukuhkan soalan-soalan ini, penyelidik juga turut mendapatkan pandangan dan idea pakar yang berpengalaman dalam bidang koperasi. Pembangunan soal selidik ini juga adalah berasaskan kepada beberapa proses pengubahsuaian termasuk ujian rintis ke atas anggota koperasi dan juga bukan anggota koperasi.

## Kajian Rintis

Kajian rintis bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan bagi item-item soal selidik yang dikemukakan di samping dapat memperbaiki sebarang kelemahan semasa kajian ini dijalankan. Hasil kajian rintis, nilai *cronbach alpha* bagi pengetahuan, sikap, tingkah laku dan ekonomi ialah 0.80, 0.83, 0.89, 0.90. Secara keseluruhan, persepsi masyarakat terhadap koperasi mempunyai nilai *cronbach alpha* yang tinggi iaitu 0.92. Ini menunjukkan bahawa item bagi soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian terutamanya penggunaan istilah dan struktur ayat yang dikemukakan dalam instrumen tersebut. Menurut Mohd Najib (1999), kajian rintis yang dijalankan boleh menentukan dengan mudah kesesuaian bahasa yang digunakan dalam item-item soal selidik yang dibentuk.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografi bagi responden kajian ini yang terdiri daripada anggota dan bukan anggota koperasi. Daripada keseluruhan 440 orang responden yang terlibat dalam kajian tinjauan bagi Program LMIK di Terengganu, didapati bahawa 299 (68%) orang adalah dalam kalangan anggota koperasi, manakala 141 (32%) orang ialah bukan anggota koperasi.

Bagi anggota koperasi, bilangan responden perempuan berjumlah 185 orang (61.9%) melebihi bilangan lelaki yang berjumlah 114 orang (38.1%) yang telah hadir mengikuti program ini. Majoriti mereka berumur antara 40- 59 tahun iaitu 163 orang (54.5%) diikuti oleh mereka yang berumur 20-39 iaitu 102 orang (34.2%) dan bawah 19 dan 80 ke atas dengan masing-masing diwakili oleh dua orang. Berkenaan dengan tahap pendidikan tertinggi peserta, majoriti responden memiliki ijazah sarjana muda iaitu seramai 102 orang (34.1%), seramai 87 orang (29.1%) mempunyai SPM/MCE/setaraf dan masing-masing tiga orang mempunyai ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran. Bangsa Melayu merupakan majoriti yang menyertai Program LMIK iaitu seramai 295 orang (98.75%), Cina iaitu seramai tiga orang (1.0%) dan India adalah seorang (0.3%). Kebanyakan peserta bekerja di sektor kerajaan iaitu seramai 169 orang (56.5%), mereka yang bekerja di sektor swasta adalah seramai 59 orang (19.7%) dan lain-lain sektor adalah seramai 5 orang (1.75%).

Seterusnya, bagi profil responden kajian ini yang terdiri daripada bukan anggota koperasi iaitu seramai 141 orang (32%), bilangan perempuan adalah seramai 69 orang (48.9%) dan bilangan lelaki ialah 72 orang (51.1%). Majoriti responden berumur antara 20 hingga 39 tahun iaitu 94 orang (66.7%) diikuti oleh mereka yang berumur 40 hingga 59 tahun iaitu 36 orang (25.6%) dan yang berumur 80 ke atas adalah seorang (0.7%). Merujuk kepada tahap pendidikan tertinggi, seramai 58 orang (41.1%) mempunyai ijazah sarjana muda, seramai 37 orang (26.2%) mempunyai SPM/MCE/setaraf dan lima orang (3.5%) mempunyai kelulusan UPSR. Bangsa Melayu merupakan majoriti responden yang menyertai Program LMIK, iaitu seramai 138 orang (97.9%), Cina hanya 1 (0.7%) dan lain-lain adalah dua orang (1.4%). Kebanyakan peserta LMIK merupakan golongan pelajar iaitu seramai 83 orang (58.9%), 25 orang (7.7%) bekerja sendiri dan 11 orang (7.8%) bekerja dalam sektor kerajaan.

**Jadual 1:** Profil Demografi Responden

| PROFIL DEMOGRAFI |                       | Anggota Koperasi |             | Bukan Anggota Koperasi |             |
|------------------|-----------------------|------------------|-------------|------------------------|-------------|
|                  |                       | Bilangan (orang) | Peratus (%) | Bilangan (orang)       | Peratus (%) |
| Jantina          | Perempuan             | 185              | 61.9        | 69                     | 48.9        |
|                  | Lelaki                | 114              | 38.1        | 72                     | 51.1        |
|                  | <b>Keseluruhan</b>    | <b>299</b>       | <b>68</b>   | <b>141</b>             | <b>32</b>   |
| Umur             | Bawah 19              | 2                | 0.7         | 5                      | 3.5         |
|                  | 20 – 39               | 102              | 34.2        | 94                     | 66.7        |
|                  | 40 – 59               | 163              | 54.5        | 36                     | 25.6        |
|                  | 60 - 79               | 30               | 10.0        | 5                      | 3.5         |
|                  | 80 ke atas            | 2                | 0.7         | 1                      | 0.7         |
| Tahap Pendidikan | UPSR                  | 14               | 4.7         | 5                      | 3.5         |
|                  | SRP/PMR               | 23               | 7.7         | 13                     | 9.2         |
|                  | SPM/MCE/SETARAF       | 87               | 29.1        | 37                     | 26.2        |
|                  | SIJIL/Diploma         | 44               | 14.7        | 24                     | 17.0        |
|                  | Ijazah Sarjana Muda   | 102              | 34.1        | 58                     | 41.1        |
|                  | Ijazah Sarjana        | 3                | 7.7         | -                      | -           |
|                  | Doktor Falsafah (PhD) | 3                | 1.0         | -                      | -           |
|                  | Lain-lain             | 3                | 1.0         | 4                      | 2.8         |
| Bangsa           | Melayu                | 295              | 98.7        | 138                    | 97.9        |
|                  | Cina                  | 3                | 1.0         | 1                      | 0.7         |
|                  | India                 | 1                | 0.3         | -                      | -           |
|                  | Lain-lain             | -                | -           | 2                      | 1.4         |
| Pekerjaan        | Bekerja sendiri       | 36               | 12.0        | 25                     | 17.7        |
|                  | Swasta                | 59               | 19.7        | 10                     | 7.1         |
|                  | Kerajaan              | 169              | 56.5        | 11                     | 7.8         |
|                  | Pelajar               | 18               | 6.0         | 83                     | 58.9        |
|                  | Pesara                | 12               | 4.0         | 4                      | 2.8         |
|                  | Lain-lain             | 5                | 1.7         | 8                      | 5.7         |

### Persepsi Masyarakat Terhadap Koperasi (Anggota dan Bukan Anggota Koperasi)

Penganalisan terhadap borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden menggunakan lima skala likert. Skala yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju -1, Tidak Setuju -2, Kurang Setuju - 3, Setuju - 4 dan Sangat Setuju - 5. Data yang diperoleh di analisa dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan peratusan dan purata (min). Soal selidik ini juga dibina berdasarkan skala Likert 1 hingga 5 yang telah dikategorikan dan diinterpretasikan kepada tiga tahap seperti dalam jadual 2 di bawah:



**Jadual 2:** Pengelasan Berasaskan Skor

| Skor Min    | Persepsi Masyarakat |
|-------------|---------------------|
| 1.00 - 2.39 | Rendah              |
| 2.40 - 3.79 | Sederhana           |
| 3.80 - 5.00 | Tinggi              |

(Sumber: Lendal (1997))

Untuk menguji pengetahuan masyarakat terhadap koperasi, terdapat enam item telah digunakan iaitu ilmu dan pengetahuan dalam koperasi, kefahaman tentang konsep koperasi, organisasi bantu diri yang efektif, peka dan proaktif terhadap persekitaran, perbezaan ciri dengan organisasi lain dan koperasi ditubuhkan untuk manfaat bersama. Jadual 3 menunjukkan persepsi anggota koperasi terhadap pengetahuan dengan nilai min 3.9 berbanding bukan anggota iaitu 3.4. Namun, min keseluruhan menunjukkan nilai sederhana iaitu 3.7. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat masih belum memahami konsep koperasi terutama dalam kalangan bukan anggota berdasarkan nilai min yang sederhana iaitu 2.97.

Justeru, MKM perlu melaksanakan program yang dapat melahirkan modal insan koperasi yang dinamik dan membantu anggota koperasi di Malaysia untuk mendapatkan ilmu pengurusan dan keusahawanan koperasi. Ini bersesuaian bagi menyahut saranan prinsip koperasi ke-lima (Kongres Perikatan Antarabangsa ICA di Manchester, United Kingdom pada 23 September 1995) iaitu menyampaikan maklumat tidak hanya kepada anggota koperasi malahan kepada masyarakat terutama golongan belia, ketua masyarakat berhubung perihal dan faedah berkoperasi. Pendedahan ilmu berkaitan koperasi dapat memberikan kesedaran mengenai koperasi serta peranan agensi kerajaan dalam menjayakan peranan koperasi dalam mengatasi masalah rakyat dan ekonomi semasa.

**Jadual 3:** Pengetahuan Masyarakat Terhadap Koperasi

| 1. Pengetahuan  | Persepsi/Pandangan Masyarakat |               |             |
|---|-------------------------------|---------------|-------------|
|   | Anggota                       | Bukan Anggota | Keseluruhan |
|   | Min                           |               |             |
| Saya mempunyai ilmu dan pengetahuan dalam koperasi.                   | 3.60                          | 3.02          | 3.41        |
| Saya memahami konsep koperasi.  | 3.73                          | 2.97          | 3.48        |
| Koperasi ialah organisasi bantu diri yang efektif.                    | 3.99                          | 3.62          | 3.87        |
| Koperasi peka dan proaktif terhadap persekitaran.                     | 3.87                          | 3.59          | 3.78        |
| Koperasi mempunyai ciri-ciri yang berbeza berbanding organisasi lain. | 4.05                          | 3.65          | 3.92        |
| Koperasi ditubuhkan untuk manfaat bersama.                            | 4.28                          | 3.81          | 4.13        |
| <b>Min Keseluruhan</b>  | <b>3.92</b>                   | <b>3.44</b>   | <b>3.77</b> |

Jadual 4 menunjukkan bahawa persepsi anggota koperasi terhadap sikap adalah tinggi dengan nilai min 4.0 berbanding bukan anggota iaitu 3.6. Justeru, min keseluruhan menunjukkan nilai tinggi iaitu 3.9. Sebanyak 10 item sikap terhadap masyarakat telah diuji bagi kajian ini daripada aspek keanggotaan sukarela, faedah berkoperasi, kerjasama dengan anjuran koperasi, peluang pekerjaan, membantu meningkatkan prasarana dan fasiliti, memenuhi keperluan masyarakat, menawarkan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, keyakinan terhadap perkhidmatan koperasi yang menepati keperluan masyarakat, berusaha memperbaiki perkhidmatan yang ditawarkan dan prihatin kepada kebajikan masyarakat.

Secara amnya, sikap masyarakat terhadap koperasi terutama anggota menunjukkan keyakinan dan kepercayaan yang tinggi bahawa koperasi dapat memenuhi keperluan dan manfaat kepada anggota. Koperasi merupakan medan untuk anggota masyarakat memupuk serta mengamalkan demokrasi. Ini secara tidak langsung dapat membina generasi masyarakat di negara ini yang peka, memahami dan menghargai prinsip serta amalan demokrasi. Melalui penglibatan dalam mesyuarat koperasi misalnya, seseorang anggota akan lebih memahami dan menyedari hak-hak serta tanggungjawab mereka dalam sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Di samping itu, bagi responden yang bukan anggota, mereka beranggapan bahawa koperasi adalah sekadar untuk memberi pinjaman kepada anggota dan terdapat juga peserta yang tidak mengetahui manfaat atau faedah berkoperasi.

**Jadual 4:** Sikap Masyarakat terhadap Koperasi

| 2. Sikap   | Persepsi/Pandangan Masyarakat |               |             |
|--|-------------------------------|---------------|-------------|
|  | Anggota                       | Bukan Anggota | Keseluruhan |
|  | Min                           |               |             |
| Saya sukarela menganggotai koperasi.   | 4.10                          | 3.35          | 3.86        |
| Saya mendapat faedah dari koperasi.  | 4.06                          | 3.53          | 3.89        |
| Saya memberi kerjasama dengan program anjuran koperasi.                              | 4.08                          | 3.57          | 3.91        |
| Saya percaya koperasi memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat.                   | 4.05                          | 3.75          | 3.95        |
| Saya percaya koperasi dapat membantu meningkatkan prasarana dan fasiliti sedia ada.  | 4.00                          | 3.73          | 3.91        |
| Saya percaya koperasi sentiasa memenuhi keperluan masyarakat.                        | 4.02                          | 3.70          | 3.92        |
| Saya yakin koperasi sentiasa menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. | 4.04                          | 3.69          | 3.93        |

|  |             |             |             |
|--|-------------|-------------|-------------|
| Saya yakin perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi menepati keperluan masyarakat. | 4.00        | 3.68        | 3.90        |
| Saya yakin koperasi sentiasa berusaha memperbaiki perkhidmatan yang ditawarkan.      | 4.09        | 3.70        | 3.96        |
| Saya yakin koperasi sentiasa prihatin kepada kebajikan masyarakat.                   | 4.03        | 3.74        | 3.94        |
| <b>Min Keseluruhan</b>   | <b>4.05</b> | <b>3.64</b> | <b>3.92</b> |

Jadual 5 menunjukkan bahawa persepsi anggota koperasi terhadap tingkah laku adalah tinggi dengan nilai min 4.0 berbanding bukan anggota iaitu 3.7. Min keseluruhan menunjukkan nilai tinggi iaitu 3.9. Sebanyak 10 item tingkah laku digunakan iaitu semangat kerjasama, memupuk nilai kekeluargaan, penglibatan dalam aktiviti perniagaan dan perindustrian, menyokong aktiviti koperasi, menyertai program anjuran koperasi, jaringan baik dengan masyarakat, mewujudkan pembangunan mapan, membantu masyarakat setempat, membuat promosi agar masyarakat menganggotai koperasi dan kelonggaran syarat kemasukan ke koperasi.

Ini menunjukkan bahawa setiap anggota masyarakat juga memainkan peranan penting dalam memberikan hala tuju dan panduan supaya dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu-padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika khususnya dalam berkoperasi. Justeru, koperasi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama dalam usaha peningkatan untuk berkoperasi dalam kalangan masyarakat. Bagi mempertingkatkan penglibatan masyarakat untuk berkoperasi, tumpuan harus diberikan kepada peningkatan secara menyeluruh iaitu bermula daripada peringkat akar umbi hingga ke peringkat atasan. Melalui penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak sama ada kerajaan atau swasta, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan amalan dan kesedaran memperjuangkan amalan berkoperasi.

**Jadual 5:** Tingkah Laku Masyarakat terhadap Koperasi

| 3. Tingkah laku  | Persepsi/Pandangan Masyarakat |               |             |
|--|-------------------------------|---------------|-------------|
|  | Anggota                       | Bukan Anggota | Keseluruhan |
|  | Min                           |               |             |
| Koperasi memupuk semangat bekerjasama antara anggota dan masyarakat.                             | 4.09                          | 3.75          | 3.98        |
| Koperasi memupuk nilai kekeluargaan.   | 4.02                          | 3.75          | 3.93        |
| Koperasi memberi peluang kepada masyarakat terlibat dalam aktiviti perniagaan dan perindustrian. | 4.14                          | 3.81          | 4.03        |

|   |             |             |             |
|---|-------------|-------------|-------------|
| Saya menyokong segala aktiviti koperasi.  | 4.15        | 3.76        | 4.03        |
| Saya menyertai program anjuran koperasi.  | 4.05        | 3.58        | 3.90        |
| Koperasi mempunyai jaringan yang baik dengan masyarakat.  | 4.01        | 3.73        | 3.92        |
| Koperasi mewujudkan pembangunan mapan terhadap masyarakat.  | 3.98        | 3.73        | 3.90        |
| Koperasi membantu masyarakat setempat (contoh: membelanjakan sebahagian keuntungan untuk projek pemuliharaan alam sekitar). | 3.95        | 3.77        | 3.89        |
| Koperasi membuat promosi bagi menarik lebih ramai masyarakat menganggotai koperasi.   | 3.96        | 3.79        | 3.90        |
| Kelonggaran syarat kemasukan ke koperasi mampu menarik lebih ramai anggota.   | 4.06        | 3.85        | 3.99        |
| <b>Min Keseluruhan</b>  | <b>4.04</b> | <b>3.75</b> | <b>3.95</b> |

Jadual 6 menunjukkan bahawa persepsi anggota koperasi terhadap aspek ekonomi adalah tinggi dengan nilai min 4.0 berbanding bukan anggota iaitu 3.8. Min keseluruhan menunjukkan nilai tinggi iaitu 3.9. Didapati bahawa, sebanyak tujuh item ekonomi masyarakat terhadap koperasi diukur. Ini menunjukkan bahawa aktiviti koperasi adalah kondusif yang mampu memberi manfaat terhadap kenaikan taraf ekonomi komunitinya. Justeru, prinsip serta nilai yang ada dalam koperasi mampu memperkuat lagi usaha meningkatkan taraf hidup anggota serta komuniti. Berasaskan kepada prinsip dan nilai koperasi, masyarakat di sekitar koperasi beroperasi mampu untuk membangun bersama bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Koperasi tidak hanya dikhususkan untuk mereka yang berpendapatan rendah atau mempunyai masalah kewangan tetapi juga terbuka luas kepada permasalahan yang sama.

**Jadual 6:** Ekonomi Masyarakat terhadap Koperasi

| 1. Ekonomi   | Persepsi/Pandangan Masyarakat |               |             |
|--|-------------------------------|---------------|-------------|
|  | Anggota                       | Bukan Anggota | Keseluruhan |
|  | Min                           |               |             |
| Koperasi dapat membantu masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana. | 4.03                          | 3.85          | 3.98        |
| Koperasi berupaya menangani kos sara hidup masyarakat.                 | 3.94                          | 3.80          | 3.90        |
| Koperasi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat.                        | 4.04                          | 3.84          | 3.98        |

|  |             |             |             |
|--|-------------|-------------|-------------|
| Koperasi dapat menjana pertumbuhan ekonomi.                          | 4.11        | 3.89        | 4.04        |
| Koperasi membantu membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). | 4.11        | 3.94        | 4.06        |
| Koperasi berupaya mewujudkan perniagaan menguntungkan.               | 4.09        | 3.88        | 4.03        |
| Koperasi (kedai runcit) menawarkan harga yang berpatutan.            | 4.02        | 3.73        | 3.93        |
| <b>Min Keseluruhan</b>   | <b>4.05</b> | <b>3.85</b> | <b>3.99</b> |

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, ia menunjukkan secara purata, anggota koperasi berpandangan bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang koperasi, mempunyai sikap yang positif terhadap koperasi, mempunyai tingkah laku yang mendorong ke arah pembangunan koperasi dan mempunyai pandangan yang positif bahawa koperasi dapat membantu dalam perihal ekonomi iaitu daripada segi menangani kos sara hidup, meningkatkan taraf ekonomi, membantu masyarakat berpendapatan rendah dan sebagainya.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, ia menunjukkan secara puratanya, responden yang bukan anggota koperasi berpandangan bahawa untuk setiap elemen iaitu pengetahuan, sikap, dan tingkah laku tahap sederhana manakala ekonomi berada di tahap tinggi. Ini memberi indikasi bahawa mereka yang bukan anggota koperasi kurang mengetahui tentang koperasi, kurang mempamerkan sikap yang positif terhadap koperasi, kurang menyertai aktiviti yang dijalankan koperasi dan berpandangan positif bahawa koperasi membantu masyarakat daripada segi ekonomi.

## IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian mempunyai implikasi penting kepada pihak yang berkepentingan seperti Maktab Koperasi Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, kementerian dan gerakan koperasi:

### i. Maktab Koperasi Malaysia (MKM)

Kajian ini membolehkan MKM mendapatkan maklumat dan maklum balas mengenai pengetahuan, sikap, tingkah laku dan ekonomi masyarakat terhadap koperasi. Secara tidak langsung, maklumat ini dapat digunakan dalam merancang program latihan dan pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan koperasi keseluruhannya dan menarik minat dan kesedaran masyarakat tentang manfaat berkoperasi.

### ii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Kesedaran tentang manfaat berkoperasi ini perlu diperluaskan untuk menarik minat masyarakat menyertai atau menubuhkan koperasi, dan menyebarkan peranan agensi kerajaan dalam menjayakan peranan koperasi dalam mengatasi masalah rakyat dan ekonomi semasa. Secara tidak langsung, ia memberi pendedahan dari semasa ke semasa kepada koperasi tentang aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan tinggi kepada masyarakat.

### **iii. Kementerian/agensi yang terlibat**

Sasaran peserta kajian ini tidak terhad kepada anggota koperasi tetapi juga kepada masyarakat setempat. Maklum balas peserta yang hadir ke Program LMIK yang bukan daripada kalangan anggota koperasi juga dapat membuka mata masyarakat mengenai tujuan penubuhan koperasi serta manfaatnya. Mereka juga diberi maklumat mengenai peranan kementerian/agensi kerajaan yang terlibat dalam koperasi serta bantuan yang boleh diperolehi dari agensi-agensi tersebut. Justeru, kementerian dan agensi kerajaan yang terbabit perlu membantu koperasi mempelbagaikan aktiviti perniagaan dan meneroka peluang-peluang yang disediakan.

### **iv. Koperasi/Anggota Koperasi**

Hasil kajian dapat digunakan dalam meningkatkan jati diri anggota koperasi yang mana ia merupakan strategi yang dapat membantu koperasi dan pemimpin koperasi menjayakan aktiviti sosioekonomi dalam masyarakat.

## **Cadangan Kajian dan Strategi Penambahbaikan di Masa Hadapan**

Secara amnya, wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat pada hari ini tentang manfaat berkoperasi, namun disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan mereka kurang yakin atau tidak berminat untuk menganggotainya walaupun terdapat banyak peluang disediakan. Kajian ini merupakan kajian eksploratori atau tinjauan mengenai persepsi masyarakat terhadap koperasi. Hakikatnya, persepsi merupakan asas kepada pembuatan keputusan semua pihak dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada anggota koperasi dan bukan anggota koperasi. Maka, untuk mendalami isu ini dengan lebih mendalam, penyelidikan berbentuk kajian kes yang khusus ke atas koperasi-koperasi terpilih perlu dilaksanakan untuk melihat perkaitan persepsi masyarakat terhadap koperasi.

Kajian ini hanya mendapat maklum balas yang kecil dari masyarakat di dua buah daerah di negeri Terengganu, kerana dana kajian yang kecil dan survei yang terbatas. Maka untuk kajian seterusnya banyak ruang perlu diterokai untuk mendapat maklum balas yang lebih luas khususnya kepada gerakan koperasi di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal terhadap 440 orang peserta yang hadir ke Program Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK) anjuran MKM di daerah Kemaman dan Dungun, Terengganu. Daripada jumlah tersebut, 299 orang (68%) terdiri daripada anggota koperasi, manakala 141(32%) orang bukan anggota koperasi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat elemen utama yang dikenal pasti untuk melihat persepsi masyarakat terhadap koperasi iaitu pengetahuan, sikap, tingkah laku dan ekonomi.

Berdasarkan aspek pengetahuan, koperasi memberikan ilmu kepada anggota dan masyarakat. Menyahut saranan prinsip koperasi ke-lima koperasi iaitu menyampaikan maklumat tidak hanya kepada anggota koperasi malahan kepada masyarakat terutama golongan belia, ketua masyarakat berhubung perihal dan faedah berkoperasi. Bagi aspek sikap masyarakat terhadap koperasi, terutama anggota koperasi, ia menunjukkan keyakinan dan kepercayaan bahawa koperasi dapat memenuhi keperluan dan manfaat kepada anggota. Namun, bagi bukan anggota koperasi, mereka beranggapan bahawa koperasi adalah sekadar untuk memberi pinjaman kepada ahli dan terdapat

peserta yang tidak mengetahui manfaat atau faedah berkoperasi. Menerusi aspek tingkah laku, kajian mendapati bahawa masyarakat memainkan peranan penting dalam memberikan hala tuju dan panduan supaya dapat bekerjasama dalam berkoperasi.

Selain itu, koperasi juga dapat memupuk semangat kerjasama dan demokrasi. Ini secara tidak langsung dapat membina generasi masyarakat di negara ini yang peka, memahami dan menghargai prinsip serta amalan demokrasi. Seterusnya, persepsi masyarakat terhadap ekonomi menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti koperasi mampu memberi manfaat dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi komunitinya, membantu masyarakat dalam menangani kos sara hidup serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada anggota dan masyarakat setempat.

## RUJUKAN

- Ahmad, J. H., Mustafa, H., Abd Hamid, H., & Wahab, J. A. (2011). Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar (knowledge, attitude and practices of Malaysian society regarding environmental issues). *Akademika*, 81(3), 103-115.
- Bhuyan, S. (2007). The “people” factor in cooperatives: an analysis of members’ attitudes and behavior. *Canadian Journal of Agricultural Economics/Revue Canadienne D’agroeconomie*, 55(3), 275-298.
- Diana, N., & Anita, W. F. (2018). Persepsi masyarakat tentang gadai emas di pergadaian syariah cabang kerawang. *Jurnal Buana Akuntansi*, 3(1), 56-72. DOI: 10.36805/akuntansi.v3i1.228.
- Hakelius, K., & Hansson, H. (2015). Members’ attitudes towards cooperatives and their perception of agency problems. *International Food and Agribusiness Management Review Volume 19* (4); DOI: 10.22434/IFAMR2015.0219.
- Idris Ismail., & Mohd Safaai Said. (2012). *Pengenalan Koperasi*, Utusan Publications.
- Jamilah., S. Maimunah., & Hazalinda., S. Shuzaida. (2010). *Kajian Tahap Penglibatan Anggota dalam Aktiviti Ekonomi Koperasi di Malaysia*. Maktab Kerjasama Malaysia.
- Mohd Hamzah Kasim. (2017). *Memahami Koperasi: Persepsi dan realiti. Dimensi Koop Bil.52.2017*, m.s. 2-7.
- Mohd Najib Abd. Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nordin Salleh. (2018, Disember). *Koperasi Bukan Gerakan Kampung*, Gagasan Koperasi, Edisi Berkala. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, m.s. 17. (Wawancara).
- Österberg, P., & Nilsson, J. (2009). Members’ perception of their participation in the governance of cooperatives: the key to trust and commitment in agricultural cooperatives. *Agribusiness: An International Journal*, 25(2), 181-197.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia.(2011). *Dasar Koperasi Negara [2011-2020]*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2018). *Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2018*.
- Rahimah., Farahaini., Faiz., & Nur Shuhada., M. Haniff. (2019). Sumbangan koperasi ke arah kesejahteraan anggota koperasi Felde di Malaysia, Institut Koperasi Malaysia.
- Faizah Yunus (2003). Analisis keperluan latihan. *Malaysian Journal of Social Administration*, 2, 1-19.
- Wardhani, P. A., Zulela, M. S., Rachmadtullah, R., & Siregar, Y. E. Y. (2018). Moral Literacy and Social Climate with Perception Teacher’s Character Education in Elementary School. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 251, 301-304. DOI: 10.2991/acec-18.2018.69.